**PEMBERIAN GANJARAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT BAGI MENCEGAH KEKOTORAN.**

**Latar Belakang**

MPSP telah mensasarkan peningkatan tahap kebersihan menjadi teras kepada Fokus MPSP iaitu Persekitaran Bersih. Masalah utama yang dihadapi untuk meningkatkan kebersihan secara total terhalang kerana terdapat segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab dengan membuang sampah ditempat-tempat yang tidak sepatutnya. Tindakan ini telah merugikan sumber dan menjejaskan imej MPSP sedangkan pihak pesalah kebersihan terlepas tanpa sebarang tindakan dapat diambil terhadap mereka.

Bagi mengatasi masalah untuk mengambil tindakan terhadap pesalah-pesalah kebersihan ini, masyarakat dan pencinta kebersihan perlu bersama dengan MPSP bagi menjaga kebersihan dan membenteras salah laku kebersihan. Oleh itu, tindakan penguatkuasaan perlu diambil terhadap pesalah-pesalah kebersihan supaya fokus MPSP menjadikan Persekitaran Bersih tercapai.

MPSP menyediakan ganjaran kepada pemberi maklumat bagi mencegah kekotoran sebagai menghargai jasa mereka yang bersama-sama MPSP membenteras kekotoran. Ini adalah selaras dengan fokus MPSP menggalakkan penyertaan komuniti dalam pentadbiran MPSP.

**Pemberian Dan Syarat Ganjaran**

MPSP memutuskan untuk memberi ganjaran (RM 100.00) kepada pemberi maklumat aktiviti pembuangan sampah di lokasi-lokasi yang tidak dibenarkan oleh MPSP tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :

i. Mengemukakan bukti kukuh kesalahan seperti maklumat lengkap pelaku kesalahan, waktu kesalahan serta disokong dokumen lain seperti foto / gambar dan negatif. Bagi gambar yang diambil dengan mengguna kamera digital, gambar bukti kejadian hendaklah disimpan dalam memori kamera. Bagi rakaman video, bukti kejadian hendaklah disimpan dalam memori alat perakam video tersebut.

ii. Mengemukakan maklumat sendiri dengan lengkap bagi tujuan pembayaran serta mudah dihubungi apabila diperlukan.

iii. Pengadu perlu melengkapkan borang maklumat seperti di **Lampiran 1.**
*(Borang boleh dicetak melalui bahagian borang Perkhidmatan Perbandaran)*

iv. Sekiranya Majlis menerima maklumat melebihi daripada satu sumber berkaitan kes yang sama, maka maklumat yang terdahulu dan lengkap akan diterima pakai.

**Lampiran 1**

# BORANG ADUAN PEMBUANGAN SAMPAH HARAM
## (Majlis Perbandaran Seberang Perai)

## A. MAKLUMAT PENGADU

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Nama** | | | | | | | |
| **No. K/P** | | | **Jantina: (✓/X)** | Lelaki | | Perempuan | |
| **Alamat** | | | | | | | |
| | Poskod | | Bandar | | Negeri | | |
| **No.Telefon** | Rumah | | Pejabat | | Bimbit | | |
| **Email** | | | | | | | |
| **Untuk pembayaran ganjaran** | Nama Bank | | No.Akaun | | | | |

## B. BUTIRAN KESALAHAN

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kesalahan** | | | | | | | |
| **Lokasi** | | | | | | | |
| **No. plat kenderaan yang terlibat & jenis (sekiranya ada)** | | **Tarikh** | | **Masa** | | | |
| **Nama pelaku kesalahan (sekiranya ada)** | | **Jantina: (✓/X)** | Lelaki | | Perempuan | | |

**BUKTI KESALAHAN: GAMBAR/VIDEO DLL (MUAT TURUN/KEPILKAN BERSAMA)**

**Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan adalah betul dan benar.**

**…………………………………….**
**(Tandatangan)**
**Nama:**
**No. K/P:**
**Tarikh:**

## C. UNTUK KEGUNAAN JABATAN

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Daerah** | | **Parlimen** | | **Dun** | | |
| | | | | | | |
| Siasatan | | | | Notis | No | Tarikh |
| Tarikh | | | | | | |
| Masa | | | | | | |
| Pengesahan(✓/X) | Ya | | Tidak | Kompaun | No | Tarikh |
| Catatan | | | | | | |
| (cop & Tandatangan) Pegawai Penyiasat | | | | Rujukan Jabatan UndangUndang | | |
| Tarikh | | | | | | |
| Gambar pembersihan | Sebelum | | Semasa | | Selepas | |

**Pengarah Perbendaharaan**

Siasatan telah dijalankan berkaitan aduan berikut dan mendapati ianya adalah benar. Adalah disyorkan pembayaran sewajarnya dibuat kepada pemberi maklumat tersebut.

**Pengarah Perkhidmatan Perbandaran**

**Tarikh :**

## Contoh Aktiviti Pembuangan Sampah Tanpa Kebenaran



Sisa kebun



Perabot lama



Sisa binaan



Sisa binaan



Sisa binaan



Sisa binaan



Sisa industri